



**JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan berdasarkan syarat yang ditetapkan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

BIL	SKIM	GRED	BIDANG	BIL. KEKOSONGAN
1	Penolong Jurutera	JA29	AWAM	12
2			ELEKTRIK	7

**1. MAKLUMAT JAWATAN :-**

Taraf Jawatan : Kontrak (*Contract Of Service*)

Disandarkan Pada Skim Perkhidmatan : Penolong Jurutera

Gred : JA29

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan

Jabatan / Bahagian : Kemajuan Masyarakat (KEMAS)  
Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Jadual Gaji : RM1,549.00 - RM5,701.00

## **SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN:-**

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 21 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Calon hendaklah memiliki **kepujian** (Sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (d) Memiliki diploma akademik dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Salah satu bidang yang diberi keutamaan adalah seperti berikut:
  - i. Diploma Kejuruteraan Awam
  - ii. Diploma Kejuruteraan Elektrik
- (e) Telah menamatkan pengajian dan mempunyai skrol diploma serta transkrip (telah selesai Majlis Konvokesyen);
- (f) Memiliki Nilai CGPA 3.00 ke atas;
- (g) Pengalaman kerja dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya 12 bulan boleh diberikan keutamaan;
- (h) Mempunyai kemahiran dalam bidang menganalisa data / maklumat adalah satu kelebihan;
- (i) Mahir menggunakan perisian Microsoft Office;
- (j) Mempunyai Lesen Memandu Kelas B2 atau D.

## 2. CARA MEMOHON:-

- (a) Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di [kis.kemas.gov.my](http://kis.kemas.gov.my) mulai **11 Ogos 2021 (Rabu)**
- (b) Calon hanya dibenarkan mengisi **satu (1) jawatan sahaja**.
- (c) Permohonan yang lewat diterima atau tidak mengikut syarat yang dinyatakan akan ditolak.
- (d) Hanya permohonan yang dibuat secara atas talian sahaja yang akan diterima.

## 3. TARIKH TUTUP PERMOHONAN:-

**24 Ogos 2021 (Selasa)**

## 4. PERHATIAN:-

- (a) Hanya calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk sesi temu duga.
- (b) Calon yang tidak dihubungi selepas tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan dianggap **tidak berjaya**. Surat pemberitahuan tidak akan dikeluarkan oleh Jabatan.